

WAR 51 EDITORIAL CHAIN HARI PERKABUNGAN NEGARA: PENGALAMAN RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

*Rahmahtunnisah Hj. Sailin, Mohd Daly Daud, Sulaiman Salleh, Md Rozalafri Johori, Muhammad Subari Ramli, Maffuza Salleh, Zulkefli Hj. Aini (PhD), Khairiamri Ahmad, Wawarah Saidpudin

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jabatan Mufti Selangor

rahmahtunnisah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Hari Perkabungan Negara yang pertama kalinya diadakan di Malaysia pada 22 Ogos 2015 merupakan suatu bentuk penghormatan negara susulan istiadat yang dilakukan di Netherland, Belanda yang menghormati kepulungan jenazah mangsa MH17. Kertas kerja ini akan membincangkan proses pembuatan keputusan dalam gerak kerja penerbitan siaran Hari Perkabungan Negara di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Selain itu perbincangan ini juga akan menjelaskan bagaimana prosidur pelaporan berita berdasarkan *Editorial Chain*. Kaedah kajian ini dijalankan secara temu bual mendalam yang telah dijalankan bersama Pengarah saluran TV RTM dan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Semasa RTM pada 20 Ogos 2015. Hasil kajian mendapati pembuatan keputusan oleh RTM adalah berdasarkan SOP yang telah dirangka di peringkat dalaman bersama Jabatan Perdana Menteri (JPM). Selain itu kajian turut mendapati bahawa wujudnya kebebasan kandungan media di RTM yang memberikan prioriti terhadap kesahihan berita dan mengutamakan nilai berita (*news value*) yang tinggi terutamanya yang memberi manfaat secara menyeluruh kepada masyarakat.

Kata kunci: *Editorial chain*, nilai berita (*news value*), Radio Televisyen Malaysia (RTM), pembuatan keputusan

PENGENALAN

Tragedi kehilangan pesawat MH370 dan MH17 yang ditembak jatuh di perbatasan Ukraine-Russia pada tahun 2014 benar-benar meruntun hati rakyat Malaysia. Justeru, bagi menghormati tragedi itu, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengisytiharkan Hari Perkabungan Negara pada Jumaat, 22 Ogos, 2014 bersempena ketibaan jenazah mangsa MH 17 ke tanah air.

Susulan peristiwa tersebut juga, Majlis Fatwa Malaysia menjelaskan bahawa perbuatan berkabung bagi menunjukkan tanda dukacita kepada orang yang meninggal dunia seperti mengibarkan bendera separuh tiang dan memakai pakaian berwarna serba hitam atau suram adalah dibenarkan selagi ia tidak melibatkan unsur-unsur atau ritual keagamaan agama bukan Islam yang bertentangan dengan syarak. (e-fatwa – Portal Rasmi Fatwa Malaysia)

PROTOKOL DAN TRADISI PERKABUNGAN

Berdasarkan perspektif Islam, syarak mengetengahkan isu perkabungan dan takziah sebagai suatu ibadah (al-Syaukaniy 1993) bukan sekadar adat yang menjaga kepentingan sosial. Malah ia juga dikaitkan dengan adab dan akhlak mulia ketika menghadapi situasi yang mendukacitakan. *Berihdad* bagi isteri yang kematian suami selama 4 bulan 10 hari adalah

wajib kecuali isteri yang berstatus kanak-kanak dan *dzimmiyyah* (ahli kitab). Manakala *ihdad* selama 3 hari akibat kematian kerabat terdekat hanyalah harus (al-Ghamrawiy 1993). Penetapan tempoh ini adalah berdasarkan dalil nas al-Quran dan hadis.

Maksud firman Allah (ayat 234, surah al-Baqarah) : “....dan isteri-isteri yang kematian suaminya hendaklah mereka menahan diri (*ihdad*) selama 4 bulan 10 hari”.

Perkabungan negara dilihat sebagai sesuatu yang melebihi daripada individu, kerana kesedihan itu bukan sahaja kerana kehilangan orang penting atau simbol tetapi adalah lebih kepada kehilangan masa depan iaitu yang melibatkan kehilangan masa depan sesebuah negara seperti yang dijelaskan oleh Bouke (2013). Perkabungan negara yang diadakan bergantung pada adat dan budaya sesebuah negara itu. Antara protokol perkabungan yang sering diadakan adalah tempoh perkabungan yang ditetapkan sama ada mengikut hari, minggu, ataupun bulan. Selain itu, acara perkabungan juga melibatkan beberapa protokol seperti aktiviti mengibarkan bendera negara separuh tiang di bangunan tertentu, barisan puluhan ribu rakyat yang mengiringi dan menghormati perarakan jenazah atau pengebumian, bertafakur (*moment of silence*) dan sebagainya.

a. Malaysia

Hari Perkabungan Negara yang pertama kalinya diadakan di Malaysia pada 22 Ogos 2015 merupakan suatu bentuk penghormatan negara susulan istiadat yang dilakukan di Netherland, Belanda yang menghormati kepulangan jenazah mangsa MH17.

Pada 14 Ogos 2014, Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan 22 Ogos 2014 diisytiharkan sebagai Hari Perkabungan Negara. Perkabungan ini ekoran kejadian nahas pesawat (MAS) MH17 dalam penerbangan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur pada 17 Julai tahun lalu, yang membawa 283 penumpang dan juga 15 anak kapal yang dipercayai ditembak jatuh di Ukraine (Haider 2014).

Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menetapkan prosedur yang perlu dipatuhi di semua peringkat kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, syarikat swasta, stesen radio dan televisyen serta orang ramai seperti berikut;

- a) Semua pihak perlu mengibarkan jalur gemilang separuh tiang di seluruh negara
- b) Semua acara berunsur hiburan juga perlu ditangguhkan pada hari berkenaan
- c) Tatacara pakaian berwarna suram, terutama bagi petugas yang terlibat dengan istiadat perkabungan
- d) Pakaian bagi petugas lelaki beragama Islam digalakkan memakai songkok, tanpa lilitan warna putih manakala wanita perlu memakai selendang hitam
- e) Rancangan hiburan pada semua saluran radio dan televisyen ditangguhkan dan Ia diganti dengan bacaan al-quran dan program berunsur keagamaan
- f) Rakyat Malaysia diminta untuk berdiri dan membacakan Al- Fatihah, khususnya bagi yang beragama Islam. Bagi yang bukan beragama Islam, mereka boleh bertafakur mengikut kepercayaan agama masing-masing.

(<http://www.artgallery.gov.my/hari-perkabungan-negara-22-08-2014>)

Perkabungan Di Sukan Komanwel

Ketika merasmikan pembukaan sukan komanwel, yang diadakan di Glasgow, Scotland, 23 Julai hingga 3 Ogos 2014, Ratu Elizabeth II dalam ucapan baginda meminta hadirin untuk bertafakur selama seminit bagi memperingati mangsa nahas pesawat Malaysia Airlines

(MAS) penerbangan MH17. Selain itu, pembawa bendera kontinjen Malaysia iaitu Fatehah Mustafa, menaikkan Jalur Gemilang separuh tiang manakala anggota kontinjen memakai lilitan lengan hitam di tangan kiri. Sementara itu, tujuh atlet yang mewakili Malaysia berpakaian seragam kru kabin MAS sebagai penghormatan kepada mangsa-mangsa nahas (The Star 2014).

Rakyat Netherland, yang berjumlah 193 orang, adalah penumpang paling ramai yang menaiki pesawat malang itu (Sinar Online 2014^b). Sementara 82 daripada 298 penumpang dan kru yang terkorban dalam insiden itu adalah dari negara Komanwel (Sinar Online 2014^a).

b. Netherland, Belanda

Pengebumian di Netherland adalah sebahagian daripada kod etika serius kerana kebanyakan rakyat Dutch sangat menghargai kehidupan mereka. Mereka yang dijemput akan memenuhi acara pengebumian tersebut dan sebagai tanda perkabungan, para hadirin akan memakai pakaian berwarna gelap atau hitam (Berrens, 2011). Ketika hari perkabungan menyambut jenazah mangsa tragedi MH17 disambut oleh keluarga diraja Dutch dan sanak saudara yang merupakan warganegara Belanda di Netherland pada 23 Julai 2014. Antara acara perkabungan yang dilakukan adalah perarakan membawa keranda dari Eindhoven Airbase ke Hilversum, kebanyakan pakaian yang dipakai oleh mereka yang menghadiri acara perkabungan berwarna hitam termasuklah Raja Willem-Alexander, Permaisuri Maxima, dan Perdana Menteri, Mark Rutte dan juga acara menarik tali loceng oleh beberapa orang sukarelawan untuk membunyikan loceng Salvator di Utrecht. (NBCNEWS 2014).

Selain itu, 40 mayat yang tiba di lapangan terbang Eindhoven diterbangkan melalui kapal terbang tentera salah satunya adalah Dutch Air Force C-130 Hercules. Tentera Belanda kemudiannya membawa setiap keranda di atas bahu mereka ke van jenazah dari kapal terbang tersebut. Mereka bergerak ke arah berek tentera di Hilversum, di mana proses mengenal pasti mayat bermula. Kenderaan jenazah yang membawa keranda mangsa MH17 dipandu secara konvoi dari Eindhoven Airbase ke Hilversum (Hall et al, 2014).

c. Peshawar, Pakistan

Pakistan antara negara yang turut mengadakan perkabungan negara pada 2014 apabila 141 orang mangsa serangan termasuk murid dan guru keganasan oleh pemberontak dengan melakukan serbuan dan melepaskan tembakan dari kelasa ke kelas di sekolah tentera di bandar barat laut Peshawar (Astro Awani 2014). Perkabungan yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri Nawaz Sharif adalah sebagai penghormatan kepada mangsa pembunuhan beramai-ramai dan antara acara perkabungan yang diadakan termasuk bertafakur (*moment of silence*), nyanyian indah puisi klasik Pakistan (Rieti 2014), bacaan doa dan nyalaan lilin (BBC NEWS 2014).

d. Copenhagen, Denmark

Peristiwa tembakan di lokasi dialog mengenai Islam dan kebebasan bersuara di Pusat Budaya Copenhagen telah mengakibatkan seorang maut dan tiga pegawai polis cedera (Astro Awani 2015). Kesan daripada peristiwa ini, berpuluh-puluh ribu orang telah berkumpul di sekitar bandar-bandar di seluruh Denmark untuk memperingati mangsa-mangsa serangan tembakan tersebut. Antara acara perkabungan yang diadakan adalah mereka memegang lilin atau obor. bertafakur (*moment of scilence*), bendera dikibarkan separuh tiang di bangunan kerajaan, dan jambangan bunga yang diletakkan di lokasi serangan (CBC NEWS 2015).

e. Paris, Perancis

Terbaharu, pada 16 November Bandaraya Paris berkabung. Hollande, President Perancis telah mengisytiharkan hari perkabungan dalam menghormati mangsa tragedi serangan Perancis oleh pengganas yang mengorbankan 132 nyawa dan 352 orang tercedera dalam serangan pada 13 November. Loceng Notre Dame Cathedral dibunyikan sebagai simbol bermulanya Perancis berkabung selama tiga hari (Hjelmgaard). Buat pertama kalinya sejak 1889 menara kebanggaan Paris, Menara Eiffel ditutup lampunya, digelapkan sebagai lambang perkabungan pada malam Sabtu tersebut. Manakala kebanyakan tarikan pelancongan utama di Paris turut ditutup, termasuk Menara Eiffel, Muzium Louvre dan Disneyland. Dalam meredakan tragedi serangan tersebut kira-kira 3,000 orang tentera telah dikerahkan untuk membantu memulihkan keadaan dan meyakinkan penduduk yang ketakutan (Keller & Keaten & 2015).

Turut berkabung adalah Universiti California kerana salah seorang mangsa adalah mahasiswa perguruan university tersebut; Nohemi Gonzales. Serangan Perancis ini juga telah menarik simpati dan kesedihan dari sekitar dunia untuk bersama-sama menunjukkan tanda perkabungan. Antaranya adalah di New York, Bangunan *Empire State* menjadi gelap tanda simpati terhadap orang-orang Paris, sementara itu monumen di serata dunia antaranya One World Trade Center di New York dan Sydney Opera House telah dihiasi dengan warna bendera Perancis (Euractiv 2015) iaitu merah, biru dan putih sebagai bersama-sama menunjukkan rasa kesedihan dalam acara perkabungan tersebut. Selain itu, acara perkabungan lain turut disambut di serata dunia sebagai menunjukkan tanda simpati antaranya adalah di Poland dan Berlin iaitu rakyat menyalakan lilin dan meletakkan bunga di hadapan kedutaan Perancis di negara tersebut.

Sukan juga tidak terlepas dalam bersama-sama menunjukkan rasa kesedihan ini antaranya adalah pemain golf memakai riben hitam ketika pusingan pertama *European Tour Qualifying School Final Di PGA Catalunya* (Theguardian 2015). Manakala jockey dalam perlumbaan kuda di Cheltenham, England memakai *armbands* bewarna merah, putih dan biru manakala dalam kejohanan golf Masters BMW di Shanghai, pemain golf Perancis Benjamin Hebert memakai topi yang tertulis *Pray for Paris*. Selain itu, dalam perlawanan penentuan bola sepak Euro 2016 antara Sweden dan Denmark di *Arena Friends* di Stockholm, sebelum perlawanan dimulakan stadium menjadi terang dengan warna merah, putih dan biru. Kedua-dua ketua pasukan juga dilihat memakai ban lengan hitam dan bertafakur selama seminit sebelum perlawanan tersebut. *Silence of moment* juga telah diadakan sebelum perlawanan penentuan antara Ukraine dan Slovenia di Lviv (Pretot 2015).

Laporan Berita Bencana

Kajian lepas yang terdahulu mengenai pelaporan berita bencana memfokuskan mengenai kandungan liputan berita bencana yang dilaporkan oleh wartawan, hubungan antara wartawan dan pengurus bencana (Mc Lean & Power 2014), etikaewartawanan ketika melaporkan berita bencana, kesan bencana terhadap industri media (Furukawa & Edison 2015) yang kebanyakannya memfokuskan kejadian bencana itu sendiri. Selain itu, belum ada lagi kajian yang benar-benar memfokuskan mengenai tindakan yang diambil oleh setiap negara selepas berlakunya bencana tersebut sebagai penghormatan kepada mangsa dan keluarga mangsa dan peranan media di sebaliknya.

Berita bencana adalah sebuah nilai berita yang mendapat perhatian besar yang merupakan makluman awal dan peringatan kepada masyarakat mengenai sesebuah tragedi termasuklah jumlah korban ataupun keadaan yang sedang berlaku. Berita bencana pada abad ke 20 lebih mudah tersebar dan mencapai orang awam yang lebih ramai (Alexander 2006) kerana sifat

media yang mempunyai kredibiliti untuk penyampaian sesebuah maklumat (Cai & Zhu 2014). Kredibiliti tersebut termasuklah kredibiliti sumber, kandungan maklumat dan juga saluran (QianZh 2011). Tugas media yang bertanggungjawab sebagai mendidik bukan sahaja ke arah politik, ekonomi ataupun sosial malahan media juga berfungsi untuk mendidik khalayak berkenaan dengan bencana yang terjadi (Garner 1996).

Editor dan wartawan perlu menyedari bahawa khalayak inginkan berita yang melebihi daripada cerita yang baik sahaja, dan mereka mencari maklumat yang akan membantu mereka jika mereka sendiri yang berada dalam keadaan bencana tersebut (Garner 1996). Terdapat beberapa kajian lepas terhadap pemberitaan bencana hasil kajian menemui persepsi wartawan terhadap berita bencana atau musibah tersebut adalah melalui tulisan mereka (Ploughman 1995). Apabila bencana berlaku, peranan media massa difahami untuk menyampaikan amaran, menyediakan penerangan apa yang berlaku, masyarakat awam menerima maklumat dan menyumbang kepada pemulihan individu atau komuniti (Norris et al. 2008).

Manakala Needham (1986) menjelaskan semakin jauh rumah wartawan tersebut daripada kejadian bencana itu, semakin kurang pemahaman oleh pelapor berita terhadap tragedi tersebut (Needham 1986). Selain itu, kajian lepas juga menunjukkan pelaporan berita bencana oleh media cenderung kepada punca berlaku bencana, kerosakan dan situasi bencana yang berlaku berbanding dengan pelaporan berita yang mendidik penonton untuk bersedia dan bertindak ketika bencana berlaku (Littlefield and Quenette, 2007) dan juga makluman untuk sebarang pemulihan atau bantuan (Coombs 2007).

Televisyen adalah antara sumber utama yang penting selain radio dan media baru untuk khalayak mendapatkan maklumat dominan tentang bencana yang terjadi (Mc Lean and Power 2014 & Wei et al., 2010). Mogensen (2008) menjelaskan wartawan menganggap tugas mereka untuk menyampaikan maklumat sebagai satu bentuk perkhidmatan awam dan bertindak demi kepentingan awam semasa berlakunya krisis negara. Ewart (2002) mendakwa bahawa, untuk mendapatkan berita dengan cepat kerana diminta oleh editor berita, wartawan kadang-kadang menjalankan temu bual yang tidak bersesuaian dengan mangsa-mangsa bencana dan terdapatnya tingkah laku yang tidak beretika.

Dalam arahan 20, Majlis Keselamatan Negara, Perkara 21:Pusat Pengurusan dan Kenyataan Media adalah satu pusat pengurusan media hendaklah disediakan di tempatkejadian dan diletakkan dalam Zon Hijau. Pusat Pengurusan Media ini merupakan tempat di mana pegawai dan akhbar media massa dapat menjalankan tugas berkaitan dengan liputan Bencana yang berlaku. Jabatan Penerangan di peringkat pengurusan Bencana yang berkenaan hendaklah menyediakan dan mengendalikan Pusat Pengurusan media yang dilengkapi dengan ruang persidangan media, tempat taklimat, kemudahan peralatan televisyen dan radio. Manakala tugas pegawai Jabatan Penerangan bertanggungjawab menyelaraskan perkara-perkara mengenai liputan dan penyiaran berita mengenai bencana yang berlaku kepada orang ramai. Komander Operasi Bencana hendaklah memastikan supaya wakil-wakil media massa berada di dalam zon hijau sahaja dan tidak dibenarkan memasuki Zon Kuning atau Merah kecuali dengan kebenarannya.

Manakala perkara 22 dalam kenyataan dan lain-lain perutusan menyebut semasa kejadian bencana, hanya fakta-fakta penting yang tertentu sahaja dimaklumkan kepada orang ramai melalui media secara berterusan bagi mengelakkan berlakunya kekeiruan yang tidak diinginkan. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Agensi Peneraju, Komander Operasi Bencana

atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana sahaja boleh mengeluarkan kenyataan kepada media massa jika perlu.

Perkabungan Dalam Kandungan Media Dan Berita

Dalam kajian Pantti & Sumiala (2009) menemui ritual perkabungan yang dilaporkan atau disiarkan di dalam media terbahagi kepada tiga iaitu ritual agama (melalui symbol agama, amalan dan majlis pengkebumian), ritual sivik (aksi spontan individu) dan juga ritual nasional (melibatkan imej negara dan tindakan kerajaan) manakala pelaku yang terlibat untuk dilaporkan adalah pegawai awam (polis, tentera, pegawai kerajaan dan lain-lain), rakyat, dan professional media (melibatkan temubual).

Selain daripada perkabungan awan, sebahagian besar akhbar utama tempatan pada hari perkabungan negara Malaysia itu turut menggunakan warna hitam dan putih di muka depan sebagai tanda sedih serta hormat kepada mangsa nahas pesawat Penerbangan Malaysia MH17 (Haider 2014). Manakala pemilik panggung wayang utama negara Malaysia iaitu TGV Cinemas Sdn Bhd (TGV) dan Golden Screen Cinemas (GSC) turut berkabung dengan memberi peringatan kepada pengunjung agar bersedia untuk bertafakur selama seminit pada waktu bertafakur serentak seluruh negara, semu kakitangan TGV perlu memakai pakaian berwarna gelap sebagai tanda berkabung, dan iklan yang disiarkan pada televisyen plasma di semua 28 panggung wayang seluruh negara juga disiarkan secara hitam putih (Astro Awani 2014).

Maka kajian ini bertujuan untuk mengetahui proses pembuatan keputusan dalam gerak kerja penerbitan siaran Hari Perkabungan Negara di Radio Televisyen Malaysia (RTM). Selain itu prosedur pelaporan berita berdasarkan *Editorial Chain* (Yoke, 1997) juga akan dirujuk dalam konteks di RTM

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini dijalankan secara temu bual mendalam yang telah dijalankan bersama Pengarah saluran TV RTM dan Timbalan Pengarah Hal Ehwal Semasa RTM pada 20 Ogos 2015. Rasional pemilihan informan adalah kerana mereka merupakan pegawai tertinggi di RTM yang berautoriti, terlibat dalam pembuatan keputusan kandungan media dan teknikal semasa hari perkabungan negara dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji ini.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian yang diperoleh melalui temubual mendalam ini mendapati terdapat empat perkara penting yang dilalui oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) dalam gerak kerja menyampaikan maklumat kepada orang awam semasa Hari Perkabungan Negara yang turut dipengaruhi oleh prosedur standard yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) kepada media untuk disiarkan kepada khalayak umum. Empat perkara utama tersebut ialah amalan perkabungan di Malaysia, MH17: penghormatan perhubungan antarabangsa, nilai berita dan pembuatan keputusan bahan siaran RTM.

Amalan Perkabungan di Malaysia

Protokol dan garis panduan perkabungan sedia ada lebih menumpukan kepada kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, sultan-sultan dan kematian pembesar negara dan negeri. Garis panduan ini telahpun diselaraskan untuk panduan kepada semua stesen televisyen di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM). Liputan media ketika perkabungan sedemikian akan meliputi pelaporan siaran langsung istiadat pemakaman dan pengkebumian negara atau negeri yang melibatkan upacara rasmi dan protokol atau majlis rasmi kerajaan negeri. Ini termasuklah liputan sebarang pengumuman pembubaran

rasmi, ziarah atau penghormatan terakhir sama ada di Istana Negara, parlimen atau kediaman rasmi, istiadat perlantikan sultan atau Yang DiPertuan Agong yang baharu sehinggalah selesai istiadat pemakaman.

Garis panduan yang diberikan oleh JPM juga meliputi tempoh berkabung dan tatacara pakaian seperti yang disokong oleh informan seperti berikut;

‘..mengikut hari perkabungan juga jika Agong selama tujuh hari dan Perdana Menteri pula tiga hari sahaja, jadi sepanjang berkabung itu, program berbentuk hiburan tiada di dalam stesen dan menyiarkan program informasi seperti dokumentari dan berita’

TBM/RTM01/(01)

‘Ya bahagian protokol yang memberi arahan dan atas kerjasama mereka juga, kami hanya menyiarkan sahaja. Kami juga ada tatacara pakaian contoh pengacara program, jika yang mangkat itu adalah Agong; bagi lelaki perlu berpakaian warna hitam, bersamping hitam tanpa benang emas, lilit kain putih satu setengah inci. Ada protokol yang disediakan...bagi lelaki bukan islam pula *long suit* berwarna gelap dan tali leher gelap, bagi wanita Islam pula yang jadi pengacara iaitu berbaju kurung atau jubah hitam berselendang hitam atau putih. Bagi wanita bukan islam pula perlu memakai pakaian sopan dan berwarna gelap dan berselendang hitam. Ini adalah protokol semasa hari kemangkatan dan tidak boleh sesuka hati memakai baju merah atau sebagainya’.

TBM/RTM01/(02)

MH17: Penghormatan Perhubungan Antarabangsa

Berbeza dengan penghormatan perkabungan bagi Yang diPertuan Agong, sultan atau pembesar negara, perkabungan bagi tragedi MH17 lebih bersifat perkongsian rasa sedih dan berdukacita negara bersama waris kerana melibatkan imej Malaysia yang dibawa oleh MAS yang merupakan sebuah syarikat penerbangan milik Malaysia. Perkabungan ini juga sebagai satu bentuk penghormatan antarabangsa sebagai menghormati upacara yang dilakukan di Belanda yang merupakan negara yang paling ramai rakyatnya menjadi mangsa. Oleh yang demikian kerajaan Malaysia terpanggil sama untuk menghormati dengan mengumumkan perkabungan bersempena ketibaan kelompok pertama keranda yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa pada hari Jumaat 22hb Ogos 2014. Bagi RTM penyiaran upacara perkabungan berkenaan adalah sebagai suatu tanggungjawab sosial mereka selain menyiarkan berdasarkan arahan yang telah dikeluarkan.

Situasi ini juga menyebabkan terdapatnya sedikit bahan siaran kandungan media semasa perkabungan negara seperti yang dijelaskan oleh Pengarah Saluran TV RTM;

‘ Sekiranya Agong mangkat atau PM meninggal kita banyak menyiarkan bacaan Al-Quran untuk beberapa hari, tetapi untuk penghormatan ini (MH17) kita banyak menyiarkan bacaan Al-Fatihah kerana kebanyakan yang meninggal dunia itu berbangsa asing dan ucapan tahziah serta tidak membanyakkan program hiburan’

TBM/RTM01/(02)

Nilai Berita

Radio Televisyen Malaysia (RTM) sangat memegang kepada prinsip sahih, tepat dan mutakhir yang juga merupakan motto stesen berkenaan. Prosedur standard (SOP) dalaman

RTM telah menetapkan sesuatu berita yang penting mesti disiarkan dalam tempoh dua jam. Namun dalam masa yang sama perlu mendapatkan pengesahan bagi memastikan kesahihan berita yang diterima daripada sumber yang berautoriti dan berkredibiliti. Situasi ini ditegaskan oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Semasa, RTM;

‘ Kita punya motto ialah sah, tepat dan mutahir, jadi kita punya ketetapan sesuatu benda penting itu mesti disiarkan dalam tempoh dua jam. TV (dua jam), Radio (sejam) selepas mendapat pengesahan bukan selepas berlaku...selagi kita tidak dapat pengesahan, kita tidak akan siar sebab kita berpegang kepada yang sah tadi, kami carilah pengesahan daripada sesiapa, contoh MH17 berlaku pengeboman di Ukraine, kita dapat *report* pertama daripada Reuters atau twitter mana-mana, twitter ni bukan boleh percaya seratus-peratus, atau kita *cek* yang lain contohnya paling berautoriti adalah MAS sebab pesawatnya, MAS *confirm* ke tidak berlaku, dia kata berlaku, kita boleh ambillah berita itu. Jadi kita punya pegangan itulah sah, seboleh-boleh secepat mungkin kita akan kemas kini, kita *report strait for word* tiada niat berselindung cuma berdasarkan SOP kami, peraturan-peraturan kita’.

TBM/RTM02/(01)

RTM juga sangat mengutamakan nilai berita yang tinggi dalam pemilihan laporan berita yang disiarkan. Ketika ‘*moment of silence*’ atau sesi bertafakur apabila seluruh Malaysia menghormati dan semua keadaan dan aktiviti seolah-olah ‘terhenti’, bagi RTM inilah pengalaman mendapatkan nilai berita yang sangat tinggi kerana ia berlaku buat pertama kalinya di Malaysia. Situasi ini juga menunjukkan betapa sokongan dari seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira sebarang batasan beragama, budaya dan politik. Keadaan ini juga menunjukkan keberkesanan arahan kerajaan yang diterima baik oleh seluruh masyarakat yang menyahutnya dengan cara keagamaan masing-masing, terutamanya bagi yang beragama Islam ‘bertafakur’ dengan menghadihkan al-Fatihah kepada mangsa beragama Islam.

Nilai berita yang mempunyai *human interest* dan *proximity* terhadap agama dan kepentingan ramai turut menjadi keutamaan RTM. Semasa kematian Tuan Guru Nik Aziz, tokoh ulama dan politik Kelantan, walaupun tidak termasuk dalam senarai tokoh yang perlu diberikan penghormatan seperti pembesar-pembesar negara, namun RTM menyiarkan secara langsung dan liputan yang meluas tentang kematiannya termasuk menyiarkan balasungkawa ketokohan dan sumbangan Allahyarham dalam agama dan politik (PAS). Pelaporan ini adalah atas inisiatif dan keprihatinan pihak bahagian Editorial dan Ehwal Semasa RTM. Maka daripada keadaan ini jelas menunjukkan walaupun tanpa arahan sebenarnya sesebuah stesen televisyen sepatutnya mempunyai daya usaha yang lebih tanpa sebarang kekangan, apatah lagi perkara berkenaan tiada dalam larangan. Keadaan ini turut menjelaskan bahawa wujudnya kebebasan dalam pemilihan bahan siaran kandungan media, yang penting bagaimana pihak yang membuat keputusan berjaya mengerakan pasukan mereka untuk mendapatkan berita yang sah, tepat dan mempunyai kepentingan ramai.

‘..bergantung juga, baru-baru ini Tok Guru Nik Aziz meninggal dunia, kami buat liputan disana kerana kami menganggap dia sebagai tokoh ulama yang disegani di Malaysia walaupun bukan dari kerajaan memerintah. Kami juga tidak kisah tentang posisinya sebagai ahli politik pembangkang, atas sebab dia disegani kami buat pengumuman akan kematian beliau dan membuat liputan juga dan memberi penghormatan

dengan menyiarkan bacaan al-Quran dan al-Fatihah kepada beliau. Maksudnya kami melihat atas individu yang diiktiraf oleh masyarakat kenapa tidak kami juga, kami menghormati beliau sebagai tok guru’

TBM/RTM01/(03)

Pembuatan Keputusan bahan siaran RTM

Tidak dapat dinafikan, RTM sendiri mengakui sebagai pengendali stesen rasmi kerajaan, pengalaman pertama Hari Perkabungan Negara dengan siaran secara langsung memerlukan suatu persiapan yang sangat rapi disamping pembuatan keputusan yang tepat dalam menyusun gerak kerja yang melibatkan krew penerbitan yang bersaiz besar.

Secara keseluruhannya selain memastikan kandungan bahan siaran RTM sah, tepat dan mutakhir, persediaan teknikal penerbitan berita atau *editorial chain* juga sangat diambil berat.

Berdasarkan temu bual mendalam bersama Timbalan Pengarah Hal Ehwal Berita RTM, didapati mereka secara praktisnya mengikut kerangka kerja yang dicadangkan oleh Yoke, 1997.

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Berita sendiri mengetuai sesi *brainstorming* kepada para petugas media pada jam 2.30 pagi selepas berita MH17 terhempas diterima pada lebih kurang jam 11 malam. Pada jam 12.15 beliau menelefon pejabat agar semua pasukan berita akhir jam 12.30 malam untuk tidak pulang untuk membuat perbincangan dan persiapan. Pembuatan keputusan ini antaranya menentukan para wartawan, pembaca berita dan krew teknikal sentiasa mengemaskini dan mendapatkan kesahihan maklumat yang pada ketika itu telahpun dibanjiri maklumat. Siaran pertama dibuat RTM ialah melalui ‘*grandstand*’ yang diadakan pada jam 3 pagi. Antara cabaran utamanya ialah untuk mendapatkan tamu pakar pada waktu berkenaan sebagai satu kaedah pelaporan yang berkredibiliti.

‘Kami rancang nak buat report dari semasa ke semasa tapi masa tu bahan tidak banyak, kita nak buat *grandstand* siapa yang ingin jadi pengacara jadi saya panggil semua ‘arahan semua datang pejabat sekarang’ apabila seorang-seorang datang, lebih kurang jam 2.30 pagi barulah buat persediaan dan jam tiga pagi buka *grandstand*, nak panggil tetamu tidak ada sewaktu itu, kalau nak bercakap pun tiada bahan, yang sedia adapun lebih kurang setengah jam sahaja bahan-bahannya. Jadi kami telefon tetamu, Alhamdulillah ada orang-orang yang berautoriti yang ingin bercakap yang belum tidur lagi iaitu Prof Azmi dan dua tiga orang lagi..walaupun tiada skrip penuh kami bagi *point-point* sahaja jadi mereka bersembang dalam tu...dalam masa sama kami dimaklumkan bahawa perdana Menteri nak buat siding media, nak melawat KLIA, nak bertemu waris, jadi krew kami datang pula ke sana....’

TBM/RTM02/(02)

Yoke, 1997, memberikan sembilan langkah sebagai garis panduan dalam editorial chain yang baik seperti berikut;

- a) Penentuan idea/berita dan tugas (*story/idea/assignment*)
- b) Perancangan (*planning*)
- c) Taklimat kepada editor dan wartawan siaran (*Briefing-Editor & BJ*)
- d) Talimat kepada wartawan siaran dan krew kamera (*Briefing-BJ & Camera Crew*)

- e) Tugas krew di lokasi –penggambaran dan temu bual (*Crew on location- shooting & interview*)
- f) Membawa visual (*Return of Visual (Preview + Other Visual Sources – footages, graphics, illustration, newspaper cuttings, etc)*)
- g) Penulisan skrip untuk kelulusan editor (*Scripting for Editor's Approval*)
- h) Penyuntingan visual (*Visual Editing & Voice Over*)
- i) Bersiaran (TX)

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN


Melalui hasil kajian daripada temu bual mendalam bersama dengan Pengarah Saluran TV RTM dan Timbalan Pengarah Hal Ehwal semasa RTM jelas dapat dirumuskan bahawa protokol dan prosedur Hari Perkabungan Negara adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Istiadat Urusetia dan Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri. Perkara ini juga disahkan oleh pegawai yang berkenaan semasa sesi temu bual mendalam yang lain bagi penyelidikan yang sama.

Proses pembuatan keputusan untuk mengesahkan segala maklumat bermula dengan mesyuarat pelaksanaan rasmi kerajaan yang dianggotai oleh ahli jawatankuasa khas tertentu. Apabila mesyuarat khas tersebut selesai membuat keputusan, BIUPA yang berperanan sebagai titik utama (*focal point*) akan menunggu kebenaran daripada Perdana Menteri untuk memaklumpkannya kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM). Di sini, KKMM akan berperanan untuk memastikan Jabatan Penerangan dan media menjalankan tanggungjawab agar segala pengumuman dan maklumat terkini berkenaan Adat dan Protokol Hari Perkabungan Negara disampaikan kepada rakyat jelata.

Sebagai merumuskan proses aliran maklumat dalam pemuatan keputusan Hari Perkabungan Negara, kajian ini cuba menjelaskan melalui sebuah kerangka aliran maklumat dalam proses pembuatan keputusan seperti rajah 1 yang berikut. Kerangka carta aliran maklumat proses pembuatan keputusan ini melibatkan prosedur dan protokol Hari Perkabungan Negara bermula daripada badan kerajaan kepada media dan seterusnya kepada rakyat.

Kajian ini turut mencadangkan inisiatif kepada badan berautoriti seperti BIUPA dan SKMM untuk mempunyai garis panduan khusus dalam melaksanakan Hari Perkabungan Negara agar acara tersebut dapat berjalan dengan lancar dan memudahkan setiap pihak untuk mengakses maklumat garis panduan tersebut baik secara dalam talian atau dokumen khas. Ini kerana diakui sendiri oleh pihak RTM bahawa wujudnya prosedur standard yang digunakan diperingkat dalaman di RTM namun perlaksanaannya adalah berbeza mengikut stesen televisyen yang lain. Secara keseluruhannya hubungan yang baik antara badan kerajaan dan media penyiaran akan dapat menghasilkan pengaliran maklumat yang baik dan seterusnya mampu memelihara nama baik Malaysia dan mencerminkan adat dan budaya negara yang berbilang kaum ini.

Rajah 1: Carta Aliran Maklumat Hari Perkabungan Negara



RUJUKAN

- Alexander, D. (2006). Globalization of disaster: Trends, problems and dilemmas. *Journal of International Affairs-Columbia University*, 59(2), 1.
- Astro Awani. 2014. School shooting: Pakistan mourns for 141 killed in deadly attack. Astro Awani. 17 Desember 2014. <http://english.astroawani.com/world-news/school-shooting-pakistan-mourns-141-killed-deadly-attack-50421> Retrieved on 23 Mac 2015.
- Astro Awani. 2014. 1 maut, 3 cedera dalam serangan di Copenhagen. Astro Awani. 15 Februari 2015. <http://www.astroawani.com/berita-dunia/1-maut-3-cedera-dalam-serangan-di-copenhagen-53958?cp> <http://www.astroawani.com/berita-dunia/1-maut-3-cedera-dalam-serangan-di-copenhagen-53958?cp>. Retrieved on 23 Mac 2015
- Astro Awani. 2014. Panggung wayang turut berkabung esok. 21 Ogos 2014. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/panggung-wayang-turut-berkabung-esok-42325>. Retrieved on 10 Mei 2015
- BBC NEWS. 2014. Pakistan mourns after Taliban Peshawar school massacre. BBC NEWS. 17 Desember 2014. <http://www.bbc.co.uk/news/world-asia-30507836>. Retrieved on 23 Mac 2014.
- BBC NEWS. 2015. Denmark attacks: Large crowds mourn shooting victims. BBC NEWS. 16 Februari 2015. <http://www.bbc.com/news/world-europe-31493764>. Retrieved on: 23 Mac 2015.
- Bouke,J. 2013. What is 'national mourning' for?BBCNEWS. <http://www.bbc.co.uk/news/magazine-21685781>. Retrieved on 23 Mac 2014.
- Berrens,K. 2011.Funeral Traditions in the Netherlands. <https://mysendoff.com/2011/06/netherlands-funeral-traditions/> . Retrieved on 13 Mac 2015.
- Euractiv. 2015. World mourns shows solidarity tightens security after paris attacks. 14 November 2015. <http://www.euractiv.com/sections/global-europe/world-mourns-shows-solidarity-tightens-security-after-paris-attacks-319488> 14 Nov 2015. Retrieved on 25 November 2015.
- Furukawa, H., & Denison, R. (2014). Disaster and relief: The 3.11 Tohoku and Fukushima disasters and Japan's media industries. *International Journal of Cultural Studies*. 18(2) :225–241.
- Garner, A. C. (1996). Reconstructing reality: Interpreting the aeroplane disaster news story. *Disaster Prevention and Management: An International Journal*, 5(3), 5-15.
- Haider Yutim. 2014.Astro Awani. Akhbar tempatan guna hitam putih sempena Hari Perkabungan Negara. 22 Ogos 2014. <http://www.astroawani.com/berita-mh17/akhbar-tempatan-guna-hitam-putih-sempena-hari-perkabungan-negara-42376>. Retrieved 0b:10 Mei 2015
- Haider Yutim. 2014. Astro Awani. Hari Perkabungan Negara: Bendera dikibar separuh tiang. 28 Ogos 2014. <http://www.astroawani.com/berita-mh17/hari-perkabungan-negara-bendera-dikibar-separuh-tiang-42126>. Retrieved on 10 Mei 2015
- Hall,J. Tomlinson,J. Brady,T.. 2014. Tears for the MH17 crash victims: Dutch royals and grieving relatives watch as first bodies arrive back in Holland in dignified ceremony that shames Russia. 23 Julai 2014. *Mail Online*. <http://www.dailymail.co.uk/news/article-2702482/The-sad-final-journey-home-Bodies-MH17-victims-loaded-transport-plane-Ukraine-airport-begin-trip-Netherlands-painstaking-identification-process.html>. Retrieved on 22 November 2015.
- Hjelmgaard, K. French mourn lives lost and condemn terrorism in name of religion. *USATODAY*. 16 November 2015.

- <http://www.usatoday.com/story/news/world/2015/11/15/french-mourn-lives-lost-and-condemn-terrorism-name-religion/75826306/>. Retrieved on 25 November 2015.
- Keller, G & Keaten, J. 2015. Eiffel Tower goes dark as France mourns 129 killed in worst attacks on French soil since WW II. *USNEWS*. 14 November 2015. http://www.usnews.com/news/world/articles_/2015/11/14/paris-attacked-police-hunt-accomplices-after-120-killed. Retrieved on 25 November 2015.
- Milena, Z. R., Dainora, G., & Alin, S. (2008). Qualitative research methods: a comparison between focus-group and in-depth interview.
- NBCNEWS.2014.Ukraine plane crash day mourning dutch jet crash victims returned home. NBC NEWS. <http://www.nbcnews.com/storyline/ukraine-plane-crash/day-mourning-dutch-jet-crash-victims-returned-home-n163016>. Retrieved on 13 Mac 2015.
- Pantti,M. & Sumiala,J. 2009. Till death do us join: media, mourning rituals and the sacred centre of the society. *Media, Culture & Society*. 31(1):119-135
- Pretot, J. 2015. Sporting world mourns for Paris in wake of attacks. *Reuters*. 14 November 2015. <http://www.reuters.com/article/2015/11/14/us-sport-france-attacks-idUSKCN0T31FE20151114>. Retrieved on 25 November 2015.
- Rieti, J. Hamilton Vigil Mourns Children Killed in Pakistan School Shooting. CBC News. <http://www.cbc.ca/news/canada/hamilton/news/hamilton-vigil-mourns-children-killed-in-pakistan-school-shooting-1.2881997>. 22 Disember 2014. Retrieved on:23 Mac 2015.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sinar Online^a. Pembukaan Komanwel beri penghormatan kepada MH17. 24 Julai 2014. <http://www.sinarharian.com.my/pembukaan-komanwel-beri-penghormatan-kepada-mh17-1.302617>. Retrieved on 25 November 2015.
- Sinar Online^b. Najib tiba di Netherlands bincang tragedi MH17. 31 Julai 2014. <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/najib-tiba-di-netherlands-bincang-tragedi-mh17-1.303813>. Retrieved on 25 November 2015.
- The Guardian. World mourns for victims of Paris terror attacks - in picture. 14 November 2015. <http://www.theguardian.com/world/gallery/2015/nov/14/world-mourns-for-victims-of-paris-terror-attacks-in-pictures>. Retrieved on 25 November 2015.